

USIM lancar e-Pembelajaran menerusi GOAL

SEREMBAN 8 April - Bagi memperkasakan institusi pengajian tinggi (IPT) negara selari dengan perkembangan teknologi semasa, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengorak langkah dengan melancarkan Program dan Perkhidmatan Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOAL) baru-baru ini.

Penubuhan Pusat GOAL sejajar dengan pembangunan sistem pendidikan secara atas talian yang dinamakan Global Open Access Learning System (GOALS) yang membolehkan pengguna mendapatkan sebarang maklumat dan mengikuti pengajian yang diintegrasikan dalam satu portal.

Pengarah Pusat GOAL, Dr. Ernie Suzana Ali berkata, e-pembelajaran USIM telah bermula seawal tahun 2003 dan usaha pembangunannya digerakkan melalui Pelan Strategik ICT.

Katanya, Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) yang pertama telah diumumkan pada 2006 yang diurus tadbir oleh Pusat Teknologi Maklumat sebelum diambil alih oleh Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP) pada 2010.